

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kerajaan telah menjalankan kajian terhadap sektor perladangan sawit, getah, pertanian dan perkilangan berikutan dasar penggantungan pengambilan pekerja asing ke Malaysia. Apakah Kementerian akan menjalankan pemutihan terhadap pekerja asing haram di negara kita demi memenuhi keperluan tenaga kerja di sektor perladangan, pertanian dan perkilangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah membekukan pengambilan pekerja asing baharu mengambil kira penularan wabak pandemik COVID-19. Kerajaan telah mengambil pendekatan “*all out*” bagi memastikan pencari kerja warganegara diserapkan dalam pasaran pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran.

2. Berhubung dengan isu pekerja asing sedia ada dalam negara yang terkesan akibat pandemik ini dan bagi membantu industri yang memerlukan tenaga kerja, Kerajaan bermula 10 Jun 2020 telah menjalankan program pertukaran majikan bagi membolehkan majikan yang tidak dapat meneruskan penggajian pekerja asing mereka supaya menyerahkan pekerja-pekerja tersebut kepada majikan baharu. Proses ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri untuk sektor yang sama. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam menambah baik pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistik.

3. Berhubung dengan kajian keperluan guna tenaga dalam sub sektor perladangan sawit, getah, pertanian dan perkilangan, adalah disarankan supaya Kementerian Kawal Selia seperti Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mengadakan sesi libat urus dan proses naziran bagi memastikan keperluan tenaga kerja yang dibangkitkan oleh pihak industri adalah *genuine* dan berasas sebelum hala tuju berhubung aspek keperluan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

4. Berkaitan dengan cadangan pemutihan pekerja asing tidak berdokumen, perkara ini adalah dibawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Sekian, terima kasih.